



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan,
Jalan Persekutuan, Ayer Keroh,
75450 Melaka

Tel: 06-2895000

Faks: 06-2345201 / 5202 / 5207

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/melaka>

Ruj. Kami : ANM(B)MEL/04 JLD.6(13)
Tarikh : 3 Februari 2022
Bersamaan : 1 Rejab 1443H

Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Di bawah seliaan JANM Negeri Melaka

Tuan,

**PENYELESAIAN AMAUN TERTUNGGAK BIL TELEKOM MALAYSIA (BIL LUAR
PUKAL)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, Telekom Malaysia (TM) telah menyemak akaun pengguna dan mendapati amaun tunggakan dari tahun-tahun terdahulu semasa belum dipukalkan.

3. Justeru, pihak TM telah mengemukakan senarai akaun-akaun yang mempunyai tunggakan tersebut melalui pautan <https://docs.google.com/spreadsheets/d/14GAs1pfA2wz3ztB1rFYJaDhyV076N6bw/edit?usp=sharing&oid=105412844331024433518&rtpof=true&sd=true>.

Sehubungan itu, PTJ yang terlibat perlu mengambil tindakan melengkapkan maklumat seperti berikut:

- 3.1 PTJ perlu menyemak **setiap transaksi amaun tunggakan** pada **column U (last bill amount)** melalui pautan di atas dan mengesahkan pada **column W** samada tunggakan ini **sah** untuk dibuat pembayaran atau tidak. Seterusnya PTJ juga perlu melengkapkan maklumat pada **column X, Y dan Z** kerana soalan yang dikemukakan adalah berkait antara satu sama lain. Semak silang secara terperinci juga hendaklah dibuat berdasarkan invois yang diterima dari TM;

- 3.2 Sekiranya amaun tunggakan adalah **SAH**, pembayaran hendaklah diselesaikan oleh PTJ sekiranya **amaun melebihi RM1 selewat-lewatnya pada 25 Februari 2022 (Jumaat)**;
- 3.3 Jika amaun tunggakan yang telah **disahkan** tersebut **telah dibayar melalui pukal**, sila nyatakan 'Ya' pada **column X** dan **Z**. Semak silang hendaklah dibuat berdasarkan Laporan Terperinci Pembayaran Pukal di modul Laporan (Pengurusan Arahkan Pembayaran); dan
- 3.4 Sekiranya amaun tunggakan adalah **TIDAK SAH**, PTJ hendaklah berhubung terus dengan pihak TM bagi memastikan tunggakan tersebut diselesaikan dan telah berbaki sifar.
4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi pegawai-pegawai seperti berikut:
- i) Nur Azira binti Abd Rahman (Seksyen Operasi) di talian 06-289 5003
 - ii) Nor Rashidah binti Kadam (Unit Dana) di talian 06-289 5086
 - iii) Mohd Izwan bin Hamidon (Unit Dana) di talian 06-289 5072


Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,



(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,

Negeri Melaka.